

Headline	Anjung Singgah syurga si papa, gelandangan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	01 Oct 2012	Color	Full Color
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	m1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	1769 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,601
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,803



Utusan Sarawak Stail

pembangunan

ISININ • 1 Oktober 2012 • 15 Zulkaedah 1433H



Anjung Singgah syurga si papa, gelandangan

HAINI DARANI

DALAM kehidupan ini yang tidak pernah terlepas dari dugaan dan cabaran ini, ada segelintir golongan tidak bernasib baik yang terpaksa merampas lantai tidak mempunyai pekerjaan dan tidak mempunyai tempat berteduh.

Tiada pilihan, mereka terpaksa meredah kesejukan malam dan tidur di kaki-kaki lima kodat, di bawah jambatan, di bangunan terbengkalai dan di mana-mana sahaja asalkan ia dapat memberi teduhan.

Mereka ini mungkin pencari pekerjaan, terdampar, dihalau dari rumah, tidak mampu membayar tempat penginapan dan sebagainya.

Lebh menyedihkan kalau ia melibatkan anak-anak kecil

yang belum lagi mengerti dilema ibu bapa mereka dan terpaksa diheret ke mana sahaja ibu bapa berteduh.

Sedar bahawa golongan seperti ini amat memerlukan bantuan maka Kementerian Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga (KKWPK) menawarkan program Anjung Singgah, sebuah penginapan sementara untuk golongan yang memerlukan bantuan seperti golongan papa dan gelandangan.

Di bawah program ini, golongan sasaran akan diberi penginapan sementara di Anjung Singgah, selain dibantu untuk mencari pekerjaan agar mereka mampu berdirikan.

Dari segi sejarahnya, Anjung Singgah merupakan inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Malaysia melalui

Yayasan Kebajikan Negara (YKN) bagi menyediakan rumah sementara untuk golongan gelandangan di Kuala Lumpur.

Golongan ini dilihat sebagai di antra golongan berisiko yang diberi perhatian di bawah projek kemasyarakatan Program Transformasi kerajaan NKR4LH.

Melihat kepada kepentingannya, Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Razak semasa membentangkan bajet pada 7 Oktober 2011, mengumumkan program Anjung Singgah akan diperluaskan ke Johor, Pulau Pinang dan Sarawak.

Di Sarawak, bandar raya Kuching selaku bandar raya terbesar, pusat pentadbiran, pusat pemiagaan, pusat pelancongan dan tumpuan para pencari pekerjaan dari seluruh negeri dilihat sebagai lokasi paling memerlukan Anjung Singgah.

Atas komitmen organisasi seperti KPWKM, YKN dan KKWPK Sarawak melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak, maka wujudlah Anjung Singgah YKN Sarawak yang terletak di Lot 289, Lorong 9, Ji Jalan Rubber dan bakal beroperasi sepenuhnya pada 15 Oktober 2012.

Selain menyediakan tempat penginapan sementara, Anjung Singgah memainkan peranan lebih penting sebagai penyedia perkhidmatan sokongan sosial yang holistik bagi membantu golongan papa dan gelandangan bagi mendapatkan pekerjaan, penginapan yang sesuai, kaunseling, motivasi dan bantuan kebajikan untuk yang layak.

Penghuni Anjung Singgah YKN ini akan diberi penginapan sementara satu hingga dua minggu dalam proses membantu mereka berdirikan.

Antara kemudahan yang disediakan di sini ialah bilik kaunseling, bilik pemeriksaan, bilik tandas, dewan makan, surau, bilik mandi, bilik penginapan lelaki dan perempuan serta bilik keluarga.

Menurut Menteri Kebaji-

kan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak, Datuk Hajah Fatimah Abdullah, kategori gelandangan yang akan diterima di Anjung Singgah YKN Sarawak ialah warga negara Malaysia, berusia 18 tahun ke atas, tidak mampu menyewa rumah atau bilik penginapan, tidak mempunyai pekerjaan, terdampar, penagih dadah yang bersedia menjalani rawatan pemulihan, individu yang dihalau dari rumah serta kategori lain yang berseesuaian.

Sementara itu, kriteria yang tidak layak untuk menginap di Anjung Singgah ialah mereka yang bukan warga negara Malaysia, penjenayah, penagih dadah, penagih alkohol, terag, tidak siaman, lari dari

rumah, penghidap HIV positif serta penghidap penyakit-penyakit berjangkit.

Justeru, untuk melancarkan operasi Anjung Singgah, ia dijalankan dengan beberapa mekanisme utama serta kerjasama padu daripada agensi-agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan, perkongsian maklumat, rangkaian perhubungan dan motivasi kepada kumpulan sasaran melalui perkhidmatan sokongan yang disediakan di pusat ini.

Antara agensi kerajaan dan NGO yang terlibat di dalam operasi Anjung Singgah YKN Sarawak ialah Kementerian Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak, Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Jabatan Tenaga Kerja, Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Agama Islam, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negeri Sarawak serta beberapa agensi dan NGO lain.

Datuk Fatimah menambahkan, Anjung Singgah ini

merupakan sistem sokongan sosial yang amat penting sebagai salah satu usaha kerajaan membantu masyarakat yang berkeperluan di negeri ini.

Ia juga mencerminkan keprihatinan kerajaan aspek pembangunan sosial tidak pernah dibalkan, sebaliknya diberi keutamaan seiring dengan usaha untuk menjadikan negeri ini membangun.

